

Tindakan Nik Faisal diketahui Najib

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Dakwaan Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa pemegang mandat akaunnya, Nik Faisal Ariff Kamil yang juga Ketua Pegawai Eksekutif SRC International Sdn. Bhd. telah bertindak tanpa pengetahuannya dan menyalahguna akaun peribadi bekas Perdana Menteri itu adalah sesuatu yang tidak boleh diterima akal.

Menurut Timbalan Pendakwa Raya *ad-hoc*, Datuk V. Sithambaram, Najib tidak boleh mengatakan beliau langsung tidak mengetahui semua transaksi yang berlaku pada akaun-akaun peribadinya bagi mengelak sebarang liabiliti.

Katanya, adalah *trite law* (undang-undang yang mantap dan biasanya tidak dipertikai) bahawa mana-mana pelanggan bank perlu mengetahui apa yang berlaku pada akaun masing-masing dan dakwaan Najib langsung tidak mempunyai sebarang pengetahuan adalah tidak berasas.

“Dakwaan perayu (Najib) bahawa Nik Faizal tidak mempunyai mandat atau tidak boleh dipercayai adalah tidak berasas. Perlu diingatkan Najib masih mengekalkan Nik Faisal sebagai pemegang mandat akaunnya sehingga akaun tersebut ditutup.

“Tidak boleh diterima bahawa Nik Faisal bertindak tanpa pengetahuan Najib sedangkan perayu sendiri yang mengekalkan Nik



NAJIB RAZAK

Faisal sebagai pemegang mandat walaupun lelaki berkenaan telah diberhentikan daripada SRC International atas salah laku kewangan,” katanya.

Tambah Sithambaram, berdasarkan keterangan dan bukti yang dikemukakan, jelas menunjukkan Najib ‘mengawal minda’ SRC International melalui Nik Faisal yang menjalankan segala arahnya.

“Responden (pendakwa) menghujahkan, kedudukan Nik Faisal sebagai pemegang mandat akaun peribadi Najib di AmBank adalah bukti terbaik yang menunjukkan hubungan saling mempercayai perayu dengan Nik Faisal. Segala tindakan yang dibuat Nik Faisal mendapat restu Najib,” katanya.

Menurut pendakwa, tiada sebab Nik Faisal yang dikaitkan dengan salah laku kewangan dan disingkirkan daripada jawatannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SRC International dan masih dibiarkan

menjadi penandatanganan rasmi akaun syarikat itu.

“Terang, jelas dan nyata Nik Faisal dilantik oleh Najib sebagai CEO SRC International dan menyingkirkannya ekoran aduan yang diterima daripada Pengerusi syarikat itu. Tetapi Najib masih mengekalkan Nik Faisal sebagai penandatanganan rasmi SRC International. Pengekalan ini adalah bertujuan untuk membolehkan Nik Faisal melaksanakan arahan Najib untuk memindahkan RM42 juta ke dalam akaun peribadinya,” hujah Sitambaram.

Selain itu, Timbalan Pendakwa Raya *ad-hoc* itu menghujahkan proses memindahkan wang sebanyak RM42 juta daripada akaun SRC International melalui beberapa akaun lain adalah bertujuan untuk mengelakkan ia dikesan.

Penggunaan akaun syarikat Ihsan Perdana Sdn. Bhd. (IPSB) dan Gandingan Mentari Sdn. Bhd. (GMSB) sebagai akaun transit adalah bertujuan mengaburi asal usul wang tersebut dan bagi mengelakkan pergerakan dana itu diketahui.

“Jika pergerakan keluar wang RM42 juta itu adalah tanpa niat jahat, atau bertujuan untuk kegunaan komersial atau perniagaan, penggunaan akaun GMSB dan IPSB tidak diperlukan. Ia dilakukan bagi menutup fakta bahawa dana milik SRC International telah dimasukkan ke akaun peribadi Najib yang sebenarnya menunjukkan salah laku,” kata Sithambaram.